

Cadang MRT Corp. tolak bidaan Alstom

PUTRAJAYA 13 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini mencadangkan kepada MRT Corp. supaya menolak sebarang bidaan daripada Kumpulan Alstom (Alstom) yang pernah didenda di Switzerland kerana merasuah pegawai kerajaan dari beberapa buah negara termasuk Malaysia.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sultan berkata, SPRM berpendirian tegas bahawa MRT Corp. tidak harus bertolak ansur dengan syarikat yang didapati bersalah dan didenda kerana mengamalkan rasuah.

"MRT Corp. dicadang supaya tidak mempertimbangkan permohonan daripada Alstom, SPRM juga masih menjalankan siasatan ke atas syarikat ini," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp., Datuk Azhar Abdul Hamid dan Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Datuk Paul Low di sini, hari ini.

SPRM sebelum ini mengambil tindakan proaktif untuk menyiasat Kumpulan Alstom selepas media melaporkan syarikat itu terlibat dalam merasuah pegawai kerajaan dari beberapa negara termasuk Malaysia.